

SOROTAN LITERATUR NARATIF PEMBANGUNAN KAMUS DIGITAL QIRAAT BERASASKAN KEPERLUAN KURIKULUM IPT DI MALAYSIA

A narrative literature review on the development of a digital qiraat dictionary based on the curriculum needs of higher education institutions in Malaysia

*Muhammad Fairuz A. Adi¹, Muhammad Zaid Shamsul Kamar¹, Mohd Ikram Mohd Naw¹, Uqbah Amer¹, Hanis Muhammad Radhi¹

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: m.fairuz@uis.edu.my

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
03-Mar-2026	03-Mar-2026	08-Apr-2026	30-Jun-2026

Abstrak

Perkembangan teknologi digital telah membawa perubahan signifikan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran pelbagai bidang ilmu, termasuk pengajian al-Quran. Namun begitu, dalam konteks pengajian qiraat di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia, sumber rujukan utama masih banyak bergantung kepada kitab qiraat tradisional, nota pensyarah serta kaedah talaqqi musyafahah. Walaupun pendekatan tradisional ini penting bagi mengekalkan ketulenan bacaan dan sanad, keterbatasan bahan digital yang sistematik, mudah diakses serta selaras dengan keperluan kurikulum semasa menimbulkan cabaran kepada pelaksanaan pembelajaran sendiri dan fleksibel. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menjalankan sorotan literatur berkaitan pembangunan kamus digital dalam pendidikan, sumber rujukan qiraat, pelaksanaan kurikulum pengajian qiraat di IPT serta pendekatan reka bentuk berasaskan pengguna dalam teknologi pendidikan. Kajian menggunakan pendekatan sorotan literatur naratif yang diperkukuh dengan elemen sorotan sistematik melalui pencarian dalam pangkalan data akademik terpilih. Literatur dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola dapatan, kecenderungan penyelidikan serta jurang kajian. Dapatan menunjukkan bahawa pembangunan kamus digital banyak tertumpu kepada pembelajaran bahasa umum, manakala aplikasi dalam disiplin qiraat masih terhad. Selain itu, pembangunan bahan digital qiraat yang dirangka secara khusus berdasarkan keperluan kurikulum IPT dan analisis keperluan pengguna didapati masih kurang diberi perhatian. Artikel ini seterusnya mencadangkan satu kerangka konseptual pembangunan kamus digital qiraat yang mengintegrasikan kandungan qiraat, struktur kurikulum IPT dan keperluan pengguna. Kajian ini menyumbang kepada pembinaan asas konseptual bagi pembangunan inovasi digital dalam pengajian qiraat serta menyokong agenda transformasi digital pendidikan al-Quran di peringkat pengajian tinggi.

Kata kunci: kamus digital qiraat, pengajian qiraat, kurikulum IPT, keperluan pengguna, teknologi pendidikan Islam

Abstract

The advancement of digital technology has significantly transformed teaching and learning approaches across various disciplines, including Qur'anic studies. Nevertheless, in the context of Qiraat studies at higher education institutions (HEIs) in Malaysia, primary learning resources still rely heavily on classical Qiraat texts, lecturers' notes, and the traditional talaqqi musyafahah method. While these approaches are essential for preserving the authenticity of recitation and transmission chains, the limited availability of systematic and accessible digital resources aligned with current curricular needs presents challenges for flexible and

self-directed learning. This article aims to conduct a literature review on digital dictionary development in education, Qiraat reference sources, the implementation of Qiraat curricula in HEIs, and user-centered design approaches in educational technology. The study adopts a narrative literature review strengthened with systematic elements through searches in selected academic databases. The literature was analyzed thematically to identify research patterns, trends, and gaps. The findings reveal that most digital dictionary developments focus on general language learning, while applications in the specialized field of Qiraat remain limited. Furthermore, the development of Qiraat digital resources specifically designed based on higher education curriculum requirements and user needs has received minimal attention. In response, this article proposes a conceptual framework for developing a digital Qiraat dictionary that integrates Qiraat content, curricular requirements, and user needs. This study contributes a conceptual foundation for digital innovation in Qiraat studies and supports the broader agenda of digital transformation in Qur'anic education at the tertiary

Keywords: digital Qiraat dictionary, Qiraat studies, higher education curriculum, user needs, Islamic educational technology

1.0 PENDAHULUAN

Ilmu qiraat merupakan salah satu cabang penting dalam pengajian al-Quran dan berperanan penting dalam memastikan ketepatan bacaan serta kefahaman terhadap khilaf bacaan yang terdapat dalam ayat-ayat tertentu. Di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia, pengajian qiraat diajar sebagai kursus khusus dalam program pengajian tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Walau bagaimanapun, pengajaran dan pembelajaran qiraat masih banyak bergantung kepada sumber rujukan tradisional seperti kitab-kitab qiraat klasik, nota kuliah, serta bimbingan secara langsung antara pelajar dengan pensyarah.

Perkembangan teknologi digital dalam pendidikan telah membawa perubahan ketara dalam metode penyampaian ilmu. Penggunaan aplikasi mudah alih, platform pembelajaran dalam talian, serta bahan digital interaktif semakin meluas dalam pelbagai bidang pengajian, termasuk pendidikan Islam. Namun begitu, dalam konteks pengajian qiraat, ketersediaan bahan digital yang sistematik, mesra pengguna, serta selaras dengan keperluan kurikulum IPT masih terhad. Keadaan ini menimbulkan keperluan untuk membangunkan alat bantu pembelajaran yang lebih inovatif sesuai dengan perkembangan zaman.

Salah satu inovasi berpotensi tinggi dalam pengajian qiraat ialah pembangunan kamus digital qiraat yang bukan sahaja berfungsi sebagai rujukan istilah, tetapi juga menggabungkan maklumat bacaan, hukum tajwid khusus, contoh audio dan panduan pedagogi. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa kamus digital mampu meningkatkan kefahaman, mempercepat capaian maklumat dan menyokong pembelajaran sendiri, namun kebanyakan pembangunan sedia ada masih tertumpu kepada bahasa umum atau tajwid asas serta kurang memberi fokus kepada kandungan qiraat yang khusus dan kompleks. Oleh itu, pembangunan kamus digital qiraat yang berkesan perlu mengambil kira keperluan kurikulum pengajian qiraat di IPT serta keperluan pengguna, iaitu pelajar dan pensyarah. Langkah tersebut bagi memastikan bahan yang dibangunkan praktikal, mesra pengguna dan menyokong proses pengajaran dan pembelajaran secara optimum.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menjalankan sorotan literatur berkaitan pembangunan kamus digital dalam konteks pendidikan, sumber rujukan qiraat, keperluan kurikulum pengajian qiraat di IPT, serta pendekatan reka bentuk berasaskan pengguna. Melalui sorotan literatur ini, jurang kajian dapat dikenal pasti

bagi mengukuhkan justifikasi pembangunan kamus digital qiraat berdasarkan keperluan kurikulum dan pengguna IPT di Malaysia.

2.0 METODOLOGI SOROTAN LITERATUR

Kajian ini menggunakan pendekatan sorotan literatur secara naratif yang diperkukuh dengan elemen sorotan sistematik bagi mengenal pasti, menilai dan menganalisis penulisan terdahulu berkaitan pembangunan kamus digital, sumber rujukan qiraat, kurikulum pengajian qiraat di institusi pengajian tinggi (IPT), serta pendekatan reka bentuk teknologi pendidikan berdasarkan pengguna. Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk menghimpunkan dapatan pelbagai bidang yang terkait dengan tajuk perbincangan secara menyeluruh, di samping dapat mengenal pasti jurang penyelidikan (gap) dalam bidang qiraat ini.

Proses pencarian literatur dilaksanakan secara sistematik melalui beberapa pangkalan data akademik utama, iaitu Google Scholar, MyJurnal dan repositori tesis universiti tempatan. Strategi carian dibina berdasarkan gabungan kata kunci dalam Bahasa Inggeris seperti digital dictionary, electronic dictionary, Qiraat learning, Qur'anic recitation resources, Islamic education technology, curriculum needs dan user-centered design. Carian turut dijalankan dalam Bahasa Melayu menggunakan kata kunci seperti kamus digital, pengajian qiraat, kurikulum qiraat dan keperluan pengguna bagi memastikan liputan literatur tempatan yang relevan.

Bagi menjamin kualiti sumber rujukan, beberapa kriteria pemilihan telah ditetapkan. Pertama, literatur mestilah terdiri daripada artikel jurnal berwasit, prosiding persidangan atau tesis pascasiswazah yang mempunyai nilai ilmiah. Kedua, keutamaan diberikan kepada penerbitan dalam tempoh sepuluh tahun terkini, khususnya bagi bidang teknologi pendidikan dan kamus digital, manakala sumber klasik qiraat dipilih secara selektif bagi tujuan pembinaan asas teori. Ketiga, hanya penulisan yang mempunyai hubungan langsung dengan tema sorotan dipilih untuk dianalisis.

Seterusnya, literatur yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis tematik. Proses ini melibatkan pengelompokan dapatan kepada beberapa tema utama, iaitu: (i) pembangunan dan fungsi kamus digital dalam pendidikan, (ii) sumber rujukan qiraat tradisional dan digital, (iii) keperluan kurikulum pengajian qiraat di IPT, dan (iv) pendekatan reka bentuk berdasarkan pengguna dalam teknologi pendidikan. Analisis ini membolehkan pengenalan pola dapatan, kecenderungan kajian, serta kekuatan dan kelemahan literatur yang telah berjaya dikumpul.

Akhirnya, dapatan sorotan digabung dan dibandingkan bagi mengenal pasti jurang penyelidikan dalam pembangunan sumber digital qiraat. Jurang yang dikenal pasti ini menjadi asas kepada justifikasi cadangan pembangunan kamus digital qiraat berdasarkan keperluan kurikulum dan pengguna IPT di Malaysia.

3.0 DAPATAN SOROTAN LITERATUR

Terdapat empat tema utama bagi kajian kamus digital qiraat. Tema yang dimaksudkan beserta perbincangannya adalah seperti sub topik di bawah ini.

3.1 Pembangunan dan Fungsi Kamus Digital Dalam Pendidikan

Kamus merupakan salah satu alat rujukan utama dalam proses pembelajaran bahasa dan penguasaan istilah khusus sesuatu disiplin ilmu. Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat, kamus bercetak telah mengalami transformasi

kepada bentuk digital atau elektronik yang menawarkan akses lebih pantas, interaktif, dan mesra pengguna. Kamus digital merujuk kepada pangkalan data leksikal yang disimpan dan diakses melalui peranti elektronik serta dilengkapi dengan fungsi carian pantas, hiperpautan, multimedia, dan kemas kini kandungan secara berterusan (Dziemianko, 2012; Nesi, 2014).

Dalam konteks pendidikan bahasa, khususnya bahasa Arab dan bahasa asing, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan kamus digital dapat meningkatkan kefahaman kosa kata, mempercepat proses pencarian makna, serta menyokong pembelajaran sendiri. Koyama dan Takeuchi (2007) mendapati bahawa kekerapan penggunaan kamus elektronik memberi kesan positif terhadap kefahaman bacaan dan pengekalan kosa kata. Selari dengan itu, Barham (2017), Ratminingsih et al. (2021), dan Hanif et al. (2023) menunjukkan bahawa kamus digital bukan sahaja berfungsi sebagai alat rujukan, malah berperanan meningkatkan autonomi pelajar, memudahkan akses kepada maklumat, serta menyokong pembelajaran sendiri melalui penyediaan kandungan yang lebih sistematik dan mudah dicapai. Kajian perbandingan antara kamus bercetak dan digital juga menunjukkan bahawa kamus digital lebih berkesan dalam menyokong literasi pelbagai bahasa kerana ciri interaktif dan akses pantas yang ditawarkan (Ratminingsih et al., 2021).

Perkembangan yang sama turut berlaku dalam bidang pendidikan Islam. Integrasi teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam semakin berkembang, khususnya melalui penggunaan aplikasi mudah alih, platform pembelajaran dalam talian, dan sumber digital interaktif (Hashim, 2018). Azman et al (2024) menjelaskan bahawa transformasi digital dalam pendidikan Islam membuka ruang kepada inovasi pedagogi yang lebih fleksibel dan berpusatkan pelajar. Walau bagaimanapun, kebanyakan aplikasi sedia ada masih bersifat umum dan lebih menumpukan kepada asas bacaan al-Quran atau ilmu tajwid, sementara bahan digital khusus bagi disiplin pengajian qiraat yang lebih kompleks masih terhad.

Sorotan literatur turut menunjukkan bahawa kamus digital yang berkesan perlu memenuhi beberapa ciri utama, antaranya kandungan yang sahih, struktur maklumat yang sistematik, fungsi carian yang fleksibel, elemen multimedia, serta antara muka (interface) yang mesra pengguna bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan pengalaman pengguna (Barham, 2017; Hanif et al., 2023; Selvakumar & Munian, 2022). Selain itu, pembangunan kamus digital pendidikan yang berkualiti perlu disandarkan kepada analisis keperluan kurikulum dan keperluan pengguna agar kandungannya relevan dengan konteks pembelajaran sebenar.

Walaupun kajian berkaitan kamus digital dalam pendidikan bahasa semakin berkembang, aplikasi konsep tersebut dalam pengajian qiraat masih belum diterokai secara menyeluruh. Kekurangan bahan digital khusus bagi menyokong pengajian qiraat di peringkat pengajian tinggi menyebabkan pelajar dan pensyarah masih bergantung kepada kitab rujukan tradisional serta bimbingan bersemuka. Situasi ini menunjukkan wujudnya ruang penyelidikan untuk membangunkan kamus digital qiraat yang bukan sahaja berfungsi sebagai rujukan istilah, tetapi juga sebagai alat bantu pembelajaran yang menyepadukan kandungan qiraat, struktur kurikulum IPT, serta keperluan pengguna. Justeru, pembangunan kamus digital qiraat berasaskan pendekatan ini berpotensi menyumbang kepada inovasi dalam pedagogi pengajian ilmu qiraat di peringkat pengajian tinggi.

3.2 Sumber Rujukan Qiraat: Tradisional dan Digital

Pengajian qiraat secara tradisional berkembang melalui sistem talaqqi dan musyafahah, iaitu kaedah pembelajaran secara tradisional antara guru dengan pelajar bagi memastikan ketepatan sebutan ayat-ayat al-Quran. Kaedah ini

disokong oleh penggunaan kitab-kitab qiraat klasik yang menjadi rujukan utama dalam disiplin ini. Menurut kajian moden, pembahagian qiraat kepada tujuh imam oleh Ibn Mujāhid telah menjadi asas penting bagi pembentukan disiplin ilmu qiraat dalam tradisi Islam kontemporari, manakala kajian pengajian qiraat menegaskan bahawa karya-karya seperti Taqrib al-Ma'ani syarah kepada syair Hirz al-Amani wa Wajh al-Taha' oleh imam al-Shatibi adalah rujukan utama dalam pembelajaran qiraat bagi memahami variasi bacaan al-Qur'an. Selain itu, karya-karya komprehensif seperti al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr oleh Ibn al-Jazārī terus menjadi rujukan utama dalam disiplin ilmu qiraat kerana menghimpunkan prinsip, kaedah dan riwayat qiraat yang diterima secara meluas dalam tradisi keilmuan Islam (Ibn al-Jazārī, 1994; Yusoff et al., 2024). Dalam konteks pendidikan moden, pengajian qiraat di institusi pengajian tinggi masih banyak bergantung kepada sumber tradisional ini, sama ada dalam bentuk kitab bercetak, nota pensyarah, atau rakaman audio bacaan qari. Kajian menunjukkan bahawa kaedah tradisional ini sangat berkesan dalam memastikan ketulenan transmisi bacaan, namun ia menuntut masa, kehadiran fizikal, dan bimbingan berterusan daripada guru pakar (Daud et al., 2012). Keadaan ini menimbulkan cabaran apabila bilangan pelajar meningkat, masa pengajaran terhad, serta keperluan pembelajaran sendiri semakin penting dalam ekosistem pendidikan tinggi.

Seiring dengan perkembangan teknologi digital, pelbagai usaha telah dilakukan untuk mendigitalkan sumber berkaitan al-Quran dan qiraat. Antaranya ialah pembangunan perisian dan pangkalan data bacaan al-Quran pelbagai qiraat, arkib audio qari, serta aplikasi mudah alih pembelajaran tajwid dan hafazan. Kajian oleh Al-Arumiah et al. (2023) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi pengecaman suara dan pangkalan data bacaan al-Quran semakin berkembang sebagai alat sokongan pembelajaran bacaan al-Quran. Namun begitu, kebanyakan aplikasi sedia ada lebih menumpukan kepada tajwid asas atau hafazan, dan masih belum menyediakan struktur maklumat qiraat yang sistematik sebagai rujukan akademik.

Di peringkat antarabangsa, beberapa pangkalan data digital qiraat telah dibangunkan, seperti Quranic Arabic Corpus dan arkib bacaan pelbagai qiraat oleh institusi tertentu. Walau bagaimanapun, sumber-sumber ini lebih bersifat teknikal atau linguistik dan tidak disusun mengikut keperluan pedagogi kurikulum pengajian qiraat di IPT (Dukes & Habash, 2010). Dalam konteks Malaysia, kajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran Qiraat di institusi tahfiz dan institusi pengajian tinggi menunjukkan bahawa proses pengajaran masih banyak bergantung kepada kaedah tradisional seperti talaqqi, musyafahah, tasmik, serta penggunaan kitab-kitab turath sebagai rujukan utama. Walau bagaimanapun, usaha mengintegrasikan teknologi digital dan multimedia dalam pengajaran Qiraat semakin diberi perhatian, namun pelaksanaannya masih berhadapan dengan beberapa cabaran seperti kekangan infrastruktur, capaian internet dan tahap pendedahan pengguna (Daud et al., 2012; Hussin et al., 2023).

Sorotan literatur ini menunjukkan bahawa walaupun sumber rujukan qiraat tradisional sangat kukuh dari sudut keilmuan, integrasi sumber tersebut ke dalam bentuk digital yang mesra pengguna dan selaras dengan keperluan kurikulum IPT masih belum dilaksanakan secara menyeluruh. Kekosongan ini membuka ruang untuk pembangunan inovasi seperti kamus digital qiraat yang dapat menyusun istilah, kaedah bacaan, dalil sanad, serta contoh audio secara sistematik, seterusnya menyokong pengajaran, pembelajaran, dan pembelajaran sendiri dalam pengajian qiraat di IPT.

3.3 Kurikulum Pengajian Qiraat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Pengajian qiraat di institusi pengajian tinggi di Malaysia dilaksanakan sebagai sebahagian daripada program pengajian al-Qur'an, tahfiz dan pendidikan Islam; kursus-kursus berkaitan ditawarkan pada peringkat diploma dan ijazah dan merangkumi teori qiraat, sanad bacaan, kaedah bacaan imam-imam qiraat, aplikasi praktikal serta tawjih al-qiraat (Daud, 2019; Salihin et al., 2024). Struktur kurikulum ini bertujuan melahirkan graduan yang bukan sahaja mampu membaca al-Quran dengan tepat, tetapi juga memahami disiplin ilmu qiraat secara ilmiah dan sistematik.

Kajian terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Qiraat di institusi pengajian tinggi di Malaysia menunjukkan bahawa pendekatan tradisional yang berasaskan talaqqi, musyafahah, tasmik, dan penggunaan kitab-kitab rujukan masih menjadi teras pelaksanaan kurikulum Qiraat, walaupun terdapat keperluan untuk memperluaskan penggunaan teknologi dan multimedia dalam menyokong proses pembelajaran (Daud et al., 2012). Pendekatan ini penting bagi mengekalkan ketulenan bacaan, namun cabaran mula timbul apabila proses pembelajaran memerlukan latihan berterusan serta sokongan pembelajaran di luar waktu kuliah, dan tahap penguasaan asas pelajar yang tidak seragam. Keadaan ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran qiraat memerlukan bahan sokongan tambahan yang lebih fleksibel dan mudah diakses.

Hussin et al (2025) mendapati bahawa antara cabaran utama pelaksanaan kurikulum qiraat di IPT ialah kekurangan bahan bantu mengajar yang sistematik serta selaras dengan silibus semasa. Pensyarah sering bergantung kepada kitab tradisional dan nota sendiri, manakala pelajar menghadapi kesukaran untuk membuat rujukan sendiri di luar waktu kelas. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa pelajar generasi semasa lebih cenderung kepada penggunaan teknologi digital sebagai medium pembelajaran, namun integrasi teknologi dalam pengajian qiraat masih berada pada tahap minimum.

Dalam konteks pembangunan kurikulum moden, penekanan terhadap pembelajaran berpusatkan pelajar, pembelajaran sendiri, serta penggunaan teknologi pendidikan semakin dituntut dalam pelaksanaan kursus di IPT (Hashim, 2018). Transformasi digital dalam pendidikan tinggi turut menuntut bahan pengajaran yang bersifat interaktif, fleksibel, dan boleh diakses pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih terhad bilangan bahan digital yang dibangunkan secara khusus berdasarkan analisis keperluan kurikulum pengajian qiraat IPT secara sistematik.

Sorotan literatur ini menunjukkan bahawa kurikulum pengajian qiraat di IPT Malaysia mempunyai struktur kandungan yang jelas dan kukuh dari sudut disiplin ilmu, namun masih kekurangan sokongan bahan pembelajaran digital yang selaras dengan kehendak silibus dan keperluan pelajar semasa. Jurang ini menegaskan keperluan untuk membangunkan inovasi pendidikan seperti kamus digital qiraat yang dirangka khusus berdasarkan analisis kurikulum IPT, agar kandungannya relevan, tersusun, serta menyokong pencapaian hasil pembelajaran kursus qiraat.

3.4 Pendekatan Reka Bentuk Berasaskan Pengguna Dalam Teknologi Pendidikan

Pembangunan teknologi pendidikan yang berkesan bukan sahaja bergantung kepada kandungan yang berkualiti, tetapi juga sejauh mana sesuatu sistem atau aplikasi memenuhi keperluan pengguna sasaran. Dalam konteks pendidikan tinggi, pengguna utama sesuatu bahan digital terdiri daripada pelajar dan pensyarah. Golongan ini berkongsi ciri yang sama iaitu keperluan, tahap kemahiran, serta gaya pembelajaran yang berbeza. Oleh itu, pendekatan reka bentuk berasaskan pengguna (*user-centered design*) menjadi prinsip penting dalam pembangunan

bahan pembelajaran digital agar ia benar-benar menyokong proses pengajaran dan pembelajaran.

User-centered design merujuk kepada pendekatan pembangunan sistem yang meletakkan pengguna sebagai fokus utama sepanjang proses reka bentuk, pembangunan, dan penilaian sesuatu produk digital (Norman, 2013). Kajian dalam bidang teknologi pendidikan menunjukkan bahawa aplikasi pembelajaran yang dibangunkan berasaskan analisis keperluan pengguna lebih mudah digunakan, meningkatkan kepuasan pengguna, serta memberi kesan positif terhadap pencapaian pembelajaran (Ally, 2008; Huang et al., 2019). Pendekatan ini menuntut proses sistematik yang merangkumi analisis keperluan, reka bentuk prototaip, ujian kebolegunaan, serta penambahbaikan berterusan berdasarkan maklum balas pengguna.

Dalam konteks pembangunan kamus digital, beberapa kajian menunjukkan bahawa keperluan pengguna perlu dikenal pasti bagi memastikan fungsi carian, struktur kandungan serta antara muka (interface) aplikasi selaras dengan keperluan sebenar pelajar dan tenaga pengajar (Hanif et al., 2023; Selvakumar & Munian, 2022). Kajian Hanif et al. (2023) mendapati bahawa pembangunan kamus digital dalam pendidikan bahasa yang melibatkan pengguna sejak peringkat awal reka bentuk meningkatkan tahap penerimaan dan keberkesanan penggunaan aplikasi tersebut.

Dalam bidang pendidikan Islam pula, integrasi teknologi digital yang mengambil kira keperluan pengguna didapati mampu meningkatkan motivasi pembelajaran dan memudahkan akses kepada sumber ilmu (Hashim, 2018; Azman et al., 2024). Walau bagaimanapun, sorotan literatur menunjukkan bahawa kebanyakan aplikasi berkaitan pembelajaran al-Quran masih dibangunkan secara umum tanpa analisis mendalam terhadap keperluan khusus pengguna dalam disiplin tertentu seperti qiraat (Hussin et al., 2023). Keadaan ini menyebabkan bahan digital yang dibangunkan kurang selaras dengan konteks kurikulum serta cabaran sebenar yang dihadapi oleh pelajar dan pensyarah qiraat.

Sorotan ini menegaskan bahawa pembangunan kamus digital qiraat yang berkesan perlu diasaskan kepada analisis keperluan pengguna yang sistematik, merangkumi keperluan kandungan, pedagogi, serta ciri teknikal aplikasi. Pendekatan reka bentuk berasaskan pengguna bukan sahaja memastikan aplikasi yang dibangunkan mesra pengguna, tetapi juga menyokong pembelajaran sendiri, meningkatkan penguasaan bacaan qiraat, serta membantu pensyarah dalam proses pengajaran. Justeru, elemen keperluan pengguna menjadi komponen penting dalam cadangan pembangunan kamus digital qiraat berasaskan keperluan kurikulum dan pengguna IPT.

4.0 ANALISIS JURANG KAJIAN (RESEARCH GAP)

Sorotan literatur yang telah dibincangkan menunjukkan bahawa kajian berkaitan penggunaan kamus digital dalam pendidikan bahasa telah berkembang dengan baik, khususnya dalam konteks pembelajaran bahasa asing dan bahasa Arab. Kajian-kajian ini membuktikan bahawa kamus digital mampu meningkatkan kefahaman, mempercepat akses maklumat, serta menyokong pembelajaran sendiri pelajar (Barham, 2017; Koyama & Takeuchi, 2007; Ratminingsih et al., 2021). Namun begitu, majoriti pembangunan kamus digital yang dilaporkan dalam literatur tertumpu kepada kosa kata bahasa umum, dan tidak memberi fokus kepada disiplin ilmu Islam yang bersifat khusus seperti qiraat.

Dalam bidang pengajian qiraat pula, literatur menunjukkan bahawa sumber rujukan tradisional seperti kitab klasik dan kaedah talaqqi masih menjadi tunjang

utama pembelajaran (Al-Dani, 1994; Al-Shatibi, 2007). Walaupun pendekatan ini menjamin ketulenan bacaan, Kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Qiraat di institusi pengajian tinggi masih berdepan beberapa cabaran, antaranya kebergantungan kepada pendekatan pengajaran tradisional, keperluan memperluas penggunaan teknologi multimedia dalam proses pembelajaran, serta kekangan dari aspek prasarana dan capaian internet yang mempengaruhi keberkesanan integrasi teknologi dalam PdP (Daud et al., 2012; Hussin et al., 2023). Pada masa yang sama, pembangunan sumber digital berkaitan al-Quran yang wujud masih tertumpu kepada tajwid asas atau hafazan, dan belum menyusun maklumat qiraat secara akademik dan pedagogi (Al-Rumiah et al., 2023; Dukes & Habash, 2010).

Selain itu, literatur teknologi pendidikan menegaskan bahawa pembangunan bahan digital yang berkesan perlu diasaskan kepada analisis keperluan kurikulum dan keperluan pengguna melalui pendekatan reka bentuk berasaskan pengguna (Norman, 2013; Ally, 2008; Huang et al., 2019). Namun sorotan menunjukkan bahawa aplikasi berkaitan pembelajaran al-Quran dan qiraat yang sedia ada jarang dibangunkan berdasarkan analisis keperluan kurikulum IPT secara khusus, serta kurang melibatkan pengguna sasaran iaitu pelajar dan pensyarah qiraat dalam proses reka bentuk (Hashim, 2018; Azman et al., 2024).

Berdasarkan sorotan ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat tiga jurang utama dalam literatur semasa. Pertama, Berdasarkan sorotan literatur yang dianalisis, penulis tidak menemui kamus digital yang memfokuskan kandungan ilmu qiraat secara sistematik sebagai rujukan akademik.

Kedua, tiada pembangunan bahan digital qiraat yang dirangka secara khusus berdasarkan struktur kurikulum pengajian qiraat di IPT Malaysia. Ketiga, pendekatan reka bentuk berasaskan keperluan pengguna masih belum diaplikasikan secara menyeluruh dalam pembangunan sumber digital qiraat. Jurang-jurang ini menegaskan keperluan satu kajian yang memfokuskan kepada reka bentuk dan pembangunan kamus digital qiraat berasaskan keperluan kurikulum dan pengguna IPT Malaysia. Pembangunan inovasi ini bukan sahaja berpotensi memperkukuh pengajaran dan pembelajaran qiraat, malah menyumbang kepada transformasi digital dalam pendidikan al-Quran di peringkat pengajian tinggi.

5.0 CADANGAN KERANGKA KONSEPTUAL PEMBANGUNAN KAMUS DIGITAL QIRAAT


Berdasarkan sorotan literatur dan analisis jurang kajian yang telah dibincangkan, artikel ini mencadangkan satu kerangka konseptual bagi pembangunan kamus digital qiraat berasaskan keperluan kurikulum dan pengguna di institusi pengajian tinggi. Kerangka konseptual ini bertujuan menjadi panduan awal dalam merangka proses reka bentuk, pembangunan, dan pelaksanaan kamus digital qiraat yang sistematik serta relevan dengan konteks pendidikan semasa.

Kerangka yang dicadangkan mengintegrasikan tiga komponen utama. Pertama, komponen kandungan qiraat, yang merangkumi struktur ilmu qiraat, kaedah bacaan imam-imam qiraat, istilah teknikal, serta contoh audio bacaan. Komponen ini memastikan kandungan kamus digital berasaskan sumber rujukan qiraat yang sahih dan diiktiraf. Kedua, komponen kurikulum IPT, yang merujuk kepada hasil pembelajaran kursus qiraat, struktur silibus, standard penilaian, serta keperluan pedagogi dalam pengajian qiraat di IPT. Integrasi komponen ini memastikan kandungan kamus digital dibangunkan selaras dengan kehendak kurikulum Qiraat, kandungan kursus, serta hasil pembelajaran yang ditetapkan, sekali gus menyokong keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (Daud & Abd Ghani, 2016; Alias

et al., 2025). Ketiga, komponen keperluan pengguna, yang merangkumi analisis keperluan pelajar dan pensyarah, ciri mesra pengguna, fungsi carian fleksibel, serta elemen multimedia interaktif. Komponen ini berpandukan prinsip reka bentuk berasaskan pengguna bagi memastikan aplikasi yang dibangunkan mudah digunakan dan memenuhi keperluan sebenar pengguna sasaran (Norman, 2013; Ally, 2008).

Interaksi antara ketiga-tiga komponen ini akan membentuk asas kepada pembangunan kamus digital qiraat yang holistik, iaitu bukan sekadar rujukan istilah, tetapi juga alat bantu pembelajaran yang menyokong pembelajaran sendiri, pengajaran berstruktur, serta pemantauan kemajuan pelajar. Kerangka ini turut menyediakan asas kepada proses pembangunan prototaip, ujian kebolehgunaan, serta penilaian keberkesanan kamus digital qiraat pada fasa kajian seterusnya.

Secara keseluruhannya, cadangan kerangka konseptual ini menawarkan satu pendekatan sistematik dalam membangunkan inovasi pendidikan qiraat yang berasaskan keperluan kurikulum IPT dan pengguna. Ia seterusnya menyokong aspirasi transformasi digital dalam ilmu qiraat khususnya di peringkat pengajian tinggi serta mempelbagai akses kepada sumber ilmu qiraat secara lebih tersusun dan moden.



Rajah 1.0: Kerangka Konseptual Pembangunan Kamus Digital Qiraat Berasaskan Keperluan Kurikulum dan Pengguna IPT

6.0 KESIMPULAN

Sorotan literatur yang dijalankan dalam artikel ini menunjukkan bahawa kajian berkaitan kamus digital dalam pendidikan bahasa telah berkembang dengan pesat dan terbukti berkesan dalam menyokong pembelajaran sendiri serta meningkatkan akses kepada maklumat pembelajaran. Namun, aplikasi konsep kamus digital dalam disiplin pengajian Islam yang bersifat khusus seperti qiraat masih sangat terhad. Dalam masa yang sama, pengajian qiraat di institusi pengajian tinggi di Malaysia masih bergantung kepada sumber rujukan tradisional serta kaedah pengajaran bersemuka. Walaupun sistem tradisional ini menjamin ketulenan bacaan, ia berhadapan dengan cabaran dari sudut kekangan masa, keperluan pembelajaran sendiri, serta tuntutan transformasi digital pendidikan.

Sorotan literatur turut menunjukkan bahawa pembangunan bahan pembelajaran digital yang berkesan perlu diasaskan kepada dua elemen utama, iaitu keperluan kurikulum dan keperluan pengguna. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum wujud bahan digital khusus yang dibangunkan secara sistematik berdasarkan struktur kurikulum pengajian qiraat IPT dan analisis keperluan pelajar serta pensyarah sebagai pengguna sasaran. Keadaan ini menegaskan kewujudan

jurang penyelidikan yang signifikan dalam bidang pembangunan sumber digital qiraat.

Berdasarkan jurang yang dikenal pasti, artikel ini mencadangkan satu kerangka konseptual pembangunan kamus digital qiraat berdasarkan keperluan kurikulum dan pengguna IPT Malaysia. Cadangan ini berpotensi menjadi asas kepada kajian reka bentuk dan pembangunan inovasi pendidikan qiraat yang lebih sistematik, mesra pengguna, serta selaras dengan kehendak pembelajaran semasa di peringkat pengajian tinggi.

Secara keseluruhannya, pembangunan kamus digital qiraat bukan sahaja berpotensi memperkukuh pengajaran dan pembelajaran qiraat di IPT, malah menyumbang kepada transformasi digital pendidikan al-Quran di Malaysia. Kajian lanjutan dicadangkan bagi melaksanakan analisis keperluan secara empirikal, membangunkan prototaip kamus digital qiraat, serta menilai keberkesannya dalam konteks sebenar pengajaran dan pembelajaran. Sehingga semakan literatur ini dijalankan, penulis tidak menemui kajian yang melaporkan pembangunan kamus digital Qiraat yang dibina berdasarkan analisis keperluan kurikulum IPT di Malaysia

7.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan penulisan artikel ini.

8.0 PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Islam Selangor (UIS) melalui Geran Penyelidikan Sekunder (GPS) (No. Geran: 2025/P/GPIU/GPS-002). Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor atas sokongan kewangan yang diberikan bagi menjayakan penyelidikan ini. Penghargaan turut ditujukan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan sepanjang pelaksanaan kajian serta penyediaan manuskrip ini.

9.0 SUMBANGAN PENULIS

Semua penulis telah menyumbang dalam penulisan artikel ini

10.0 RUJUKAN

- Al-Dani, A. 'Amr. (1994). *Al-Taysir fi al-Qira'at al-Sab'*. Dar al-Kitab al-'Ilmi.
- Alias, N., Zaki, Z. M., Daud, Z., Hasin, A., & Hilmi, A. M. (2025). Evaluation of E-Ifrad courseware as a teaching aid material (TAM) in Qira'at studies. *Journal of Sustainability Science and Management*, 20(11), 2474–2485. <https://doi.org/10.46754/jssm.2025.11.012>
- Ally, M. (2008). Foundations of educational theory for online learning. In T. Anderson (Ed.), *The theory and practice of online learning* (pp. 15–44). Athabasca University Press.
- Al-rumiah, S. S., & Al-Shargabi, A. A. (2023). Intelligent Quran recitation recognition and verification: Research trends and open issues. *Arabian Journal for Science and Engineering*, 48(8), 9859–9885. <https://doi.org/10.1007/s13369-022-07273-8>

- Al-Shatibi, Q. ibn Firruh. (2007). *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani (Matan al-Shatibiyyah)*. Dar Ibn Kathir.
- Azman, N. A., Hamzah, M. I., & Abd Razak, K. (2024). Exploring the impact of digital technology transformation in Islamic education: The Islamic education teachers' perspective. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 21(2). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2102.18>
- Barham, K. A. (2017). The use of electronic dictionary in the language classroom: The views of language learners. *International Journal of English Language Teaching*, 5(2), 1–11.
- Daud, Z., & Ibrahim, M. L. (2019). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat di USIM: A Study of Students' Perceptions of the Teaching and Learning of Qiraat at USIM. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 3(2), 46–53. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol3no2.53>
- Daud, Z., A. Adi, M. F., & Abdullah, M. (2012). Kaedah pengajaran dan pembelajaran pengajian qiraat di Jabatan al-Quran dan al-Qiraat, KUIS: Satu tinjauan awal. *Prosiding International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012*. <https://eprints.um.edu.my/14085/>
- Daud, Z., Hussin, H., Mohamad, K. A., & Abd Samad, M. S. H. (2019). Pengajian Qiraat di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM: Analisis terhadap tahap kefahaman qiraat. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 288–300. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.174>
- Dukes, K., & Habash, N. (2010). Morphological annotation of Quranic Arabic. In N. Calzolari, K. Choukri, B. Maegaard, J. Mariani, J. Odijk, S. Piperidis, M. Rosner, & D. Tapias (Eds.), *Proceedings of the Seventh International Conference on Language Resources and Evaluation (LREC 2010)* (pp. 2530–2536). European Language Resources Association (ELRA). Dziemianko, A. (2012). On the use(fulness) of paper and electronic dictionaries. *Lexikos*, 22, 319–341.
- Hanif, A., Deswita, Budiarti, M., Herman, Mudinillah, A., & Putri, L. R. (2023). Development of a digital dictionary for measuring Arabic language education students retention. *Migration Letters*, 20(5), 321–339. <https://doi.org/10.59670/ml.v20i5.3547>
- Hashim, H. (2018). Application of technology in the digital era education. *International Journal of Research in Counseling and Education*, 1(2), 1–5. <https://doi.org/10.24036/002za0002>
- Huang, R., Spector, J. M., & Yang, J. (2019). *Educational technology: A primer for the 21st century*. Springer.
- Hussin, H., Saleh, M. H., Ahmad, A. R., Abd Ghani, A. R., & Zainol, N. Z. N. (2023). Penggunaan teknologi multimedia (PTM) dalam kursus Qiraat: Kajian terhadap pelajar Program Qiraat di Darul Quran, JAKIM. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 7(2), 39–51. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol7no2.202>
- Ibn al-Jazārī, M. M. (1994). *Al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr* (2 vols.). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Koyama, T., & Takeuchi, O. (2007). Does look-up frequency in electronic dictionaries affect reading comprehension and vocabulary retention? *Language Learning & Technology*, 11(2), 110–122.
- Mustaffa, M., & Nasir, K. (2022). Wacana ilmu taḥrīrāt dalam pengajian al-Qiraat: Analisis terhadap metodologi Ibn al-Jazārī dalam Kitab al-Nashr. *Jurnal 'Ulwan*, 7(2), 1–16. <https://ejournal.unimel.edu.my/index.php/JULWAN/article/view/1150>
- Nesi, H. (2014). Dictionary use by English language learners. In *The Encyclopedia of Applied Linguistics*. Wiley-Blackwell.

- Norman, D. A. (2013). *The design of everyday things* (Revised ed.). Basic Books.
- Ratminingsih, N. M., Agustini, K., Budasi, I. G., Adi Ana, I. K. T., & Dewi, I. A. R. (2021). Printed and digital dictionary for multilingual literacy development: A needs analysis. In *Proceedings of the 2nd International Conference on Education, Language, Literature, and Arts (ICELLA 2021)* (Vol. 581, pp. 131–138). Atlantis Press. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.211021.018>
- Selvakumar, V., & Munian, A. (2022). The role of electronic dictionary in learning process. *International Journal of Trend in Scientific Research and Development*, 6(5), 1600–1604. <https://www.ijtsrd.com/humanities-and-the-arts/other/50687/the-role-of-electronic-dictionary-in-learning-process/v-selvakumar>
- Syafee, M. S. S., Ab Latif, K. A., Ismail, M. R., & Yahaya, M. (2024). Keperluan model pengajaran ilmu tawjih al-qiraat di institusi pengajian qiraat Malaysia: Satu sorotan awal. *Qiraat: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(1), 19–37. DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v7i1.74>
- Yusoff, M. J., Yusof, N. H., & Abd Halim, I. (2024). Perbezaan Variasi Qira'at al-Sab' Tariq al-Shatibiyyah Dalam Usul al-Qira'at berdasarkan ayat 1-31 dalam Surah al-Baqarah. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 261-281. Retrieved from <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/344>